

# Fasa pertama CoopCity Bandar Penawar dijangka siap 2019

Fakta  
nombor

640 UNIT  
rumah dan kedai

14,000  
KOPERASI  
dibawah ANGKASA  
di seluruh negara

**Fasa** pertama CoopCity Bandar Penawar yang menjadi bandar koperasi pertama di Malaysia, dijangka siap menjelang awal 2019.

Projek itu dibangunkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) bersama Koperasi Pengerang Kota Tinggi Bhd (KOPETI).

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata secara keseluruhan projek pembangunan bercampur itu memabitkan tiga fasa itu dengan pembinaan 640 unit kediaman dan rumah kedai.

## Bakal cipta sejarah

Katanya, projek itu bakal mencipta sejarah sebagai bandar koperasi pertama di negara ini dan pembinaannya menggunakan konsep sama seperti bandar koperasi pertama dan terbesar di dunia di Bronx, New York, Amerika Syarikat.

“CoopCity Bandar Penawar terletak di kawasan seluas 22 hektar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan RM217 juta. Fasa pertama dijangka dimulakan September ini memabitkan pembinaan 128 unit rumah teres dua tingkat dan 30 unit rumah kedai,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri ANGKASA Johor, di Johor Bahru, semalam. Yang turut hadir, Pengerusi ANGKASA Johor, Sazali Abd Hamid.

Fattah berkata, CoopCity Bandar Penawar dibangunkan menerusi lima prinsip iaitu koperasi perlu menguruskannya sendiri, modal dikongsi bersama, keutamaan pemilikan oleh koperasi dan anggota, selain koperasi perlu memonopoli perniagaan serta pembiayaan hanya dari bank koperasi.

Katanya, pembangunan kawasan itu turut memabitkan pembinaan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) dan keutamaan pemilikan rumah di bandar koperasi itu dihadkan kepada koperasi dan anggotanya.

## Utama ahli koperasi

“Projek pembangunan itu diberi keutamaan kepada koperasi di Johor dan ahlinya yang setakat ini mempunyai 1,300 koperasi dengan kira-kira 500,000 ahli,” katanya.

Fattah juga berharap negeri Johor yang menawarkan kawasan tertentu untuk dijadikan bandar koperasi.

Selain Johor, beliau berkata, pihaknya kini sedang meneliti pelawaan kerajaan negeri Sarawak yang menawarkan kawasan seluas 280 hektar untuk dibangunkan sebagai bandar koperasi dengan kerjasama syarikat swasta.



Abdul Fattah (tengah) menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada Rumah Terbuka Aidilfitri ANGKASA di Johor Bahru, semalam.